

UNDANG-UNDANG TUBUH KERJAAN NEGERI SABAH

16. Tiap-tiap warganegara yang berumur 21 tahun atau lebih yang bermastautin di Negeri ini layak dipilih sebagai ahli dipilih atau dilantik sebagai ahli dilantik Dewan Undangan, melainkan jika dia hilang kelayakan menjadi ahli mengikut Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan ini atau mana-mana undang-undang yang tersebut dalam Perkara 17.
17. (1) Tertakluk kepada peruntukan Perkara ini, seseorang hilang kelayakan untuk dipilih sebagai ahli dipilih atau dilantik sebagai ahli dilantik Dewan Undangan jika -
- (a) Dia adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal;
 - (b) Dia seorang bankrap belum lepas;
 - (c) Dia memegang sesuatu jawatan berpendapatan selain daripada jawatan Ketua Anak Negeri dan Pemimpin Kemajuan Rakyat;
 - (d) Setelah dinamakan untuk pemilihan ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau ke Dewan Undangan, atau setelah bertindak sebagai ejen pilihan raya bagi seseorang yang dinamakan sedemikian, dia tidak menyerahkan apa-apa penyata perbelanjaan pilihan raya yang dikehendaki oleh undang-undang dalam masa dan mengikut cara yang dikehendaki sedemikian;

- (e) Dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah di mana-mana bahagian Persekutuan dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada RM2,000.00 dan dia tidak mendapat pengampunan bebas berkenaan dengan kesalahan itu;
 - (f) Dia kehilangan kelayakan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan kesalahan berkaitan dengan pilihan raya ke mana-mana satu Majlis Parlimen atau ke Dewan Undangan oleh sebab telah disabitkan atas suatu kesalahan sedemikian, atau telah dibuktikan dalam prosiding berhubung dengan sesuatu pilihan raya itu sebagai bersalah atas perbuatan yang menjadi kesalahan itu; atau
 - (g) Dia telah dengan sukarela memperolehi kewarganegaraan suatu negara asing atau telah dengan sukarela menggunakan hak kewarganegaraan di suatu negara asing atau telah membuat suatuakuan setia kepada suatu negara asing.
21. (1) Yang di-Pertua Negeri boleh memanggil Dewan Undangan bersidang dari semasa ke semasa, dan tidak boleh membiarkan 6 bulan berlalu antara persidangan yang akhir dalam satu penggal dengan tarikh yang ditetapkan untuk persidangan pertamanya dalam penggal yang berikutnya.
- (2) Yang di-Pertua Negeri boleh memprorog atau membubarkan

Dewan Undangan.

(3) Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Dewan Undangan hendaklah terus berjalan selama lima tahun dari tarikh persidangan pertamanya dan selepas itu adalah terbubar.

(4) Apabila Dewan Undangan bubar, suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh ia bubar dan Dewan Undangan yang baru itu hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada satu ratus dua puluh hari dari tarikh itu.

(5) Apabila kerusi seseorang ahli dipilih telah menjadi kosong atas apa-apa sebab selain pembubaran, kekosongan itu hendaklah diisi dengan mengadakan pilihan raya mengikut peruntukan Perlembagaan ini dalam tempoh 60 hari dari tarikh dipastikan adanya kekosongan:

Dengan syarat bahawa jika kekosongan luar jangka itu dipastikan pada suatu tarikh dalam masa dua tahun dari tarikh Dewan Undangan akan terbubar mengikut Fasal (3), maka kekosongan luar jangka itu tidak boleh diisi melainkan jika Speaker memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya secara bertulis bahawa kekuatan dari segi bilangan parti yang membentuk majoriti semua ahli Dewan Undangan terjejas oleh kekosongan itu, dan dalam keadaan sedemikian kekosongan itu hendaklah diisi dalam masa enam puluh hari dari tarikh pemberitahuan itu diterima.

